

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN  
[ JULAU]**

**SOALAN NO. 227**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah bentuk insentif yang ditawarkan Kementerian untuk menggalakkan pemasangan bumbung solar bagi menjana tenaga elektrik baik untuk rumah, pejabat mahupun industri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi menggalakkan pemasangan solar panel di atas bumbung bangunan, Kerajaan telah memperkenalkan program *Net Energy Metering* (NEM) dengan penawaran kuota sebanyak 500MW bermula dari tahun 2016 sehingga 2020. Program ini terbuka kepada pengguna elektrik dalam kategori domestik, komersial, industri dan pertanian yang mematuhi kriteria yang telah ditetapkan.
2. Melalui program ini, pemilik bangunan boleh menjana elektrik untuk kegunaan sendiri melalui pemasangan sistem solar di atas bumbung dan menjual lebihan tenaga yang dijana ke grid elektrik pada kadar tarif yang setara dengan kadar tarif bekalan elektrik.
3. Selain itu, bagi menggalakkan lagi pemilik bangunan untuk memasang sistem solar di atas bumbung, di samping meningkatkan pelaburan bagi menjana ekonomi dan peluang pekerjaan dalam bidang

ini, Kerajaan juga telah memperkenalkan inisiatif *Supply Agreement for Renewable Energy* (SARE) bagi membolehkan pakej tawaran pemilikan sistem solar yang lebih menarik secara *solar leasing* disediakan tanpa perlu mengeluarkan perbelanjaan modal (*capex*) dan bayaran pendahuluan (*upfront*).

Sekian, terima kasih.